



Submission date: 05/05/2020

Accepted date: 06/8/2020

## **PERANAN KOPERASI DALAM DAKWAH EKONOMI GERAKAN ISLAM DI MALAYSIA SEHINGGA TAHUN 2019**

***The Role of Cooperative in Preaching Islamic Economical Movement in Malaysia  
by 2019***

Siti Ruzana Ab Ghani, Rahilah Omar, Azlizan Mat Enh, & Russli Kamarudin  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

sitiruzana@yahoo.com

### **Abstract**

The Islamic movement in Malaysia seeks to enhance the Islamic economy through the establishment of a business-based cooperative. This study aims to analyze the impact of the establishment of a cooperative in the preaching of the Islamic movement until 2019. The Islamic movements selected are the PAS, ABIM and JIM Islamic movements. Methodologically, this study is qualitative. The study was analyzed using a historical discipline approach. The results of the study are generally shown that the Islamic economy implemented in selected Islamic movement cooperatives can help its members generate activities through Islamic-based businesses. The development of Islamic societies might help solve the financial problems among members and the community that is absolutely drop-out effects of the New Economic Policy until 2019. These findings demonstrate the importance of the contribution of the Islamic economic system in reducing the financial problems of the organization of Islamic movements and eliminate business-oriented laptops. In effect, Islamic cooperatives have been able to deliver preaching through the economy of the cooperative business. Through cooperative business can also help reduce the burden of liability among members of the community and particularly affects a member of the cooperative movement Islamic. This will further boost our country's economic income.

**Keywords:** Islamic Economics, Cooperative, Da'wah, Business.

### Abstrak

Gerakan Islam di Malaysia berusaha untuk meningkatkan mekanisme ekonomi Islam melalui penubuhan koperasi yang berasaskan perniagaan. Pengagihan sumber kekayaan merupakan faktor penting dalam menjamin keharmonian masyarakat Islam. Kajian ini bertujuan menganalisis kesan penubuhan koperasi dalam dakwah gerakan Islam sehingga tahun 2019. Gerakan Islam yang dipilih adalah gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM. Dari segi metodologi, kajian ini bersifat kualitatif. Kajian dianalisis menggunakan pendekatan disiplin sejarah. Keputusan kajian yang dianalisis secara umumnya menunjukkan mekanisme ekonomi Islam yang dilaksanakan dalam koperasi gerakan Islam terpilih berupaya membantu ahli-ahlinya menjana aktiviti secara lestari melalui perniagaan yang berunsurkan Islam. Perkembangan koperasi yang Islamik ini secara tidak langsung dapat membantu mengatasi masalah kewangan dalam kalangan anggota dan masyarakat Melayu yang sememangnya keciciran kesan Dasar Ekonomi Baru sehingga tahun 2019. Dapatkan ini menunjukkan kepentingan sumbangan sistem ekonomi Islam dalam mengurangkan masalah kewangan ke atas organisasi gerakan Islam dan menghapuskan perniagaan berunsurkan riba. Implikasinya, koperasi gerakan Islam telah dapat menyampaikan dakwah melalui ekonomi dalam perniagaan koperasi tersebut dan sekali gus membantu meningkatkan sumber pendapatan dan mengurangkan beban liabiliti dalam kalangan anggotanya. Koperasi juga berupaya mempengaruhi masyarakat khususnya orang Melayu untuk menjadi anggota koperasi gerakan dan seterusnya menjadi ahli gerakan Islam. Seterusnya pendapatan masyarakat Melayu di Malaysia juga akan meningkatkan ekonomi negara.

Kata Kunci: Ekonomi Islam, Koperasi, Dakwah, Perniagaan.

### PENDAHULUAN

Kegiatan ekonomi adalah pelengkap keperluan asas manusia dalam kehidupan. Ini kerana kegiatan ekonomi perlu dalam rutin kehidupan sehari-hari manusia daripada satu generasi ke satu generasi. Keperluan asas dalam kehidupan manusia seperti air dan makanan untuk hidup, tempat tinggal dan keselamatan untuk manusia membina kehidupan sesebuah masyarakat. Pembangunan ekonomi perlu untuk peningkatan manusia dalam kehidupan. Atas alasan tersebut maka pembangunan dan perkembangan ekonomi adalah penting dalam mencapai matlamat sesebuah negara dan pertumbuhan. Pembangunan ekonomi mengikut perspektif barat lebih adalah melihat daripada aspek kebendaan jika dibandingkan dengan aspek kerohanian. Barat memisahkan aspek ekonomi dengan aspek keagamaan yang berasaskan ideologi kapitalisme. Bagi Barat segala urusan dunia dan urusan ukhrawi tidak boleh dicampur adukkan kerana dengan cara ini akan menjelaskan kepada pertumbuhan dan kemajuan masyarakat dalam sesebuah negara. Falsafah Barat juga melihat bahawa urusan ukhrawi akan menjadi penghalang kepada proses pemodenan dan perubahan

kemajuan dalam masyarakat untuk berjaya membina sesebuah tamadun. Ibn Khaldun pula mengatakan bahawa perubahan dalam kemajuan kehidupan yang moden di bandar akan menjadikan berlakunya keruntuhan dan kerosotan bandar tersebut. Dengan itu perlu masyarakat perlu mengelakkan proses tersebut daripada berlaku dan merosakkan generasi akan datang (Abdul Hadi Awang, 2011).

Pembangunan atas ekonomi mengikut perspektif Islam yang kukuh perlu seimbang dengan pembangunan asasi rakyat agar dapat memelihara kehormat manusia serta menggerakkan ekonomi Islam. Kegiatan dan aktiviti-aktiviti ekonomi haruslah tidak bercanggah dengan nilai agama, akhlak dan kemanusiaan. Pelaksanaan ekonomi Islam penting diwujudkan dalam sesebuah negara Islam khususnya institusi-institusi kewangan agar program dan aktiviti yang dijalankan tidak bertentangan dengan nilai Islam (Rusni dan Sarfinar, 2013). Pembangunan ekonomi dan pengurusan ekonomi perlu berkesan serta melengkap norma kehidupan. Pembangunan ekonomi tidak boleh dipisahkan dengan unsur-unsur agama itu sendiri (Wan Ismail Bin Wan Abdullah, Tanpa tahun). Islam mementingkan pembangunan ekonomi bagi menaik taraf pencapaian dalam semua aspek. Oleh itu melalui kajian artikel ini gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM menjadikan ekonomi sebagai aktiviti utama untuk memperkuatkan pembangunan manusia dan masyarakat. Pembangunan ekonomi dalam Islam perlulah berasaskan sistem kewangan tanpa riba dan urusan jual beli mengikut sistem muamalat Islam yang mengikut hukum – syariah (Umu Nahdhiyah, 2012). Muamalat dalam Islam perlu di jaga kerana rezeki dan sumber rezeki yang halal akan diberkati (Mohd. Zulkifli Mohd. Ghazali, 1990).

Artikel ini memberi tumpuan kepada peranan koperasi dalam gerakan-gerakan Islam terpilih iaitu gerakan Islam PAS (Koperasi Al-Hilal), ABIM (Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad) dan JIM (Koperasi Islah Malaysia Berhad) sahaja sehingga tahun 2019. Ini kerana terdapat pelbagai pertubuhan gerakan Islam di Malaysia, namun gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM merupakan gerakan Islam yang mempunyai pelbagai pendekatan yang mengikut cara Islam bagi membawa masyarakat ke arah kehidupan yang *ad-Din*. Melalui koperasi ini maka dakwah kepada masyarakat Melayu Islam dapat dilaksanakan kerana aktiviti-aktiviti dalam perniagaan ekonomi Islam yang mengharamkan unsur riba. Kajian ini penting kerana ia dapat menjelaskan sejauh mana koperasi dapat membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam kalangan anggota gerakan Islam dan juga masyarakat Melayu umumnya. Seterusnya, kajian ini dapat menentukan kesan mekanisme ekonomi Islam terhadap masyarakat Melayu dalam membentuk kelestarian hidup yang *syumul*. Diharapkan kajian ini memberi gambaran kepada masyarakat umum bahawa koperasi dapat membawa manfaat kepada pelaksanaan dakwah dalam sistem ekonomi Islam yang mengambil kira potensi sosial dan rohani masyarakat. Ini kerana dengan ekonomi yang mantap dapat dilakukan perubahan dan pembangunan pesat di Malaysia. Selain itu kajian ini

turut memberi sumber rujukan dan menyumbang panduan tambahan kepada penyelidik pada masa depan yang ingin melakukan kajian berkaitan aspek ekonomi Islam melalui peranan koperasi gerakan Islam (Mohd Yusra Abdullah, 2012).

## KAJIAN LEPAS

Kajian lepas berkaitan ekonomi Islam dapat dilihat melalui kajian Masriadi (2010) yang berkaitan sistem perbankan Islam yang selari dengan prinsip Muamalah. Bank-bank Islam wujud sebagai perantara kewangan bersesuaian dengan prinsip-prinsip transaksi Islam. Namun kajian ini tidak melihat berkaitan peranan koperasi yang memainkan peranan besar dalam sistem ekonomi Islam. Manakala menurut kajian Mohd Daud Awang (2017) berkaitan perbankan Islam serta sifat kefahaman masyarakat Islam terhadap kewangan pula mengupas tentang kefahaman masyarakat Islam di Malaysia terhadap pengharaman riba dalam pelaksanaan kewangan Islam di Malaysia. Kajian ini menjelaskan kepada masyarakat Islam tentang perlunya pengetahuan terhadap kefahaman masyarakat Islam terhadap mempelajari fiqh Muamalat. Melalui kajian ini pengkaji hanya dapat memberi rumusan terhadap pelaksanaan sistem kewangan dan perbankan Islam yang mampu memperkasakan pengetahuan umat Islam terhadap sistem ekonomi dalam kewangan dan perbankan Islam. Kajian ini tidak menghuraikan peranan koperasi dalam sistem ekonomi Islam.

Seterusnya berdasarkan Mohd Sollehudin Shuib (2010) bertajuk: *Musharakah Mutanaqisah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia: Analisis Terhadap Produk Pembiayaan Perumahan*. Beliau telah menganalisis kontrak *musharakah mutanaqisah* dan pelaksanaannya di KFH, Citibank, RHBIB dan Maybank Islamic. Antara permasalahan yang dibincangkan ialah teori kontrak *musharakah mutanaqisah*, hukum, rukun, syarat, sejarah perkembangan dan juga bentuk pelaksanaannya di Malaysia. Selain itu, beliau juga turut menganalisis perbezaan di antara pembiayaan perumahan secara *musharakah mutanaqisah dengan istisna'*, *bay'* *bithaman ajil, murabahah, al-ijarah thumma al-bay'* dan juga pinjaman perumahan secara konvensional. Kajian ini tidak menjelaskan berkaitan sistem ekonomi Islam melalui pelaksanaan koperasi.

Menurut Osman Sabran (2000) dalam buku tulisannya bertajuk "Urus Niaga al-Bai 'Bithaman Ajil Dalam Mekanisme Pembiayaan Tanpa Riba" pula telah menjelaskan secara terperinci prinsip-prinsip pembiayaan dalam urusan jual beli rumah, tanah, kenderaan dan lain-lain sebagaimana yang digunakan dalam koperasi-koperasi gerakan Islam. Beliau hanya mengetengahkan pembiayaan yang mencakupi pengiraan dan keuntungan dan beberapa masalah yang menghalang kelincinan pelaksanaan ciri hukum muamalat Islam. Kajian ini tidak mengkhususkan kepada urusan jual beli dalam sebuah koperasi Islam dalam proses muamalat. Manakala kajian Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (2018) menyebut bahawa prinsip Islam dan nilai-nilai

ekonomi dapat mempertingkatkan potensi sosial dan rohani masyarakat. Dengan ekonomi yang mantap maka pembangunan pesat akan berlaku dalam sesebuah negara. Dari itu, Islam mempunyai beberapa prinsip ekonomi yang menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Namun begitu kupasan dalam kajian ini sangat umum tentang ekonomi Islam dan tidak mengkhusus kepada aktiviti perniagaan dalam koperasi Islam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Di dalam bidang penulisan ini, metodologi merupakan satu cara untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian dalam menganalisis kajian. Pengkaji menggunakan pendekatan disiplin sejarah dengan penulisan secara kualitatif. Subjek kajian adalah koperasi gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM. Berdasarkan pengumpulan sumber pertama seperti menganalisis laporan tahunan, perlumbagaan, undang-undang pertubuhan, ucapan dasar akan memberi analisis data yang asli kesahihannya. Selain itu melalui temu bual juga dapat melengkapkan data yang dikutip. Penggunaan sumber kedua seperti buku, jurnal, kertas kerja, penulisan berbentuk ilmiah diperlukan untuk mengukuhkan hujah setiap data yang ditulis dan dianalisis.

## **PERKEMBANGAN DAKWAH MELALUI EKONOMI PERNIAGAAN**

Kajian ini memberi tumpuan kepada perkembangan dakwah melalui ekonomi perniagaan iaitu koperasi gerakan-gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM. Gerakan koperasi Islam di Malaysia telah bermula semenjak tahun 1922 bagi negeri-negeri Selat. Namun yang mempunyai rekod hanyalah gerakan koperasi di Negeri-negeri Selat. Pada tahun 1925 hanya ada empat buah koperasi sahaja seluruh Malaysia, ahli-ahlinya seramai 500 orang dengan saham berjumlah RM 8,980 sahaja (Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, 1978). Menjelang tahun 1941, semasa perang dunia kedua, terdapat 891 buah koperasi ditubuhkan. Namun selepas perang dunia kedua, hanya 46 buah koperasi sahaja yang dapat disusun semula. Pada tahun 1977 terdapat 1,346 koperasi yang didaftarkan di seluruh Semenanjung Malaysia dengan keahlian seramai 850,000 dan modal saham sebanyak RM 400 juta serta jumlah kumpulan wang sebanyak RM 800 juta.(Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, 1978).

Seterusnya pada tahun 1955, beribu-ribu jenis koperasi telah didaftarkan di bawah Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia (JPKM) dan hanya segelintir sahaja yang berdaftar atas lesen perniagaan yang berlandaskan perniagaan Islam tanpa riba. Perbincangan artikel ini akan memberi tumpuan terhadap koperasi Al-Hilal (M) Bhd – KOHILAL, Koperasi Belia Islam Malaysia (M) Bhd – KBI dan Koperasi Islah Malaysia Berhad - KIMB. Ketiga-tiga koperasi ini adalah koperasi gerakan Islam yang menjalankan aktiviti perniagaan dengan membantu dan menyumbang gerakan-gerakan Islam dalam aspek dakwah melalui ekonomi yang berlandaskan hukum dan

syariah yang ditetapkan dalam Al-Quran dan As-Sunnah dengan tidak melibatkan riba. Koperasi KOHILAL bergerak dalam ekonomi gerakan Islam PAS, KBI pula merupakan agensi yang membantu perkembangan ekonomi gerakan Islam ABIM dan KIMB adalah sebuah koperasi islah yang mencambahkan aktiviti ekonomi gerakan Islam JIM.

### **Perkembangan Koperasi Gerakan Islam PAS**

Dalam perlembagaan PAS Fasal 6 (2) dan Fasal 6 (5) menyentuh berkaitan perjuangan parti ini dalam menegakkan keadilan ekonomi bagi kepentingan umat Islam dan rakyat Malaysia seluruhnya. Dengan menggunakan pendekatan Lajnah Ekonomi parti itu mengadakan Seminar ekonomi Islam dan Simposium Ekonomi Islam ke arah mencari alternatif membangunkan negara (Fadzil Mohd Nor, 1997). Dari semasa ke semasa PAS berperanan memberi khidmat nasihat dan bimbingan keusahawanan kepada para usahawan dan bakal-bakal usahawan supaya lahir usahawan-usahawan dalam kalangan umat Islam yang berjaya. Kelab Profesional dan Usahawan (KPU) ditubuhkan bagi tujuan tersebut. Sekretariat Kelab Profesional dan Usahawan bertempat di No. 48B, Jalan SS 15/4, Subang Jaya, Selangor (Laporan Tahunan KOHILAL, 1986).

PAS juga mengambil bahagian dalam menangani kegiatan ekonomi negara yang menyentuh kepentingan rakyat. Kesan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1970 telah menarik minat parti itu untuk campur tangan. PAS menyertai perbincangan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) pada tahun 1990 dengan wakilnya Dato' Mustafa Ali, Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman, Ustaz Azizan Abdul Razak, Ir Khalid Samad dan Ustaz Sobri Muhammad. Wakil PAS ini telah mengemukakan pandangan dan saranan kepada MPEN dalam memorandum bertajuk "Falsafah dan Strategi Ekonomi Negara Selepas Tahun 1990". PAS melihat DEB yang berusia 20 tahun (1970-1990) itu tidak mencapai matlamat kerana falsafah yang bersifat materialism dan pelaksanaannya berdasarkan perkauman (Laporan Tahunan KOHILAL, 1990). PAS tidak menolak pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat sebagai sesuatu yang penting, tetapi parti itu tidak boleh menerima cara dan *framework* untuk mencapai kedua-dua matlamat tersebut kerana *framework* kebendaan dan perkauman tidak mampu mencapai kedua-duanya (Laporan Tahunan KOHILAL, 1991).

PAS menentang cara pelaksanaan DEB kerana ianya menguntungkan segelintir rakyat, khususnya golongan kapitalis sama ada kapitalis Bumiputera atau bukan Bumiputera dan tidak membantu menyelesaikan masalah rakyat umum yang miskin Diskriminasi ke atas rakyat dalam memberi bantuan bukan sahaja berlaku di antara kaum tetapi juga di antara sesama kaum. Ketidakadilan itu mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat negara ini sama ada di antara Bumiputera dengan

bukan Bumiputera dan sesame Bumiputera. PAS mengingatkan kepada pemimpin kerajaan supaya memelihara dan melaksanakan keadilan ke atas rakyat. Keadilan undang-undang, masyarakat dan ekonomi adalah asas penting bagi mewujudkan sebuah negara yang makmur, aman dan damai. Keadilan hendaklah dilaksanakan tanpa sebarang perbezaan dan pilih kasih. Penglibatan ahli-ahli politik kerajaan dalam DEB dengan amalan *nepotisme* dan *kronisme* merupakan punca utama menghalang DEB mencapai matlamatnya. PAS menolak *nepotisme* dan *kronisme* dan mencadangkan kepada kerajaan supaya pembahagian harta yang seimbang hendaklah dicapai melalui sistem ekonomi yang adil dan bukan melalui pendekatan perkauman (Laporan Tahunan KOHILAL, 1994).

PAS menolak pelaksanaan DEB kerana aktiviti ekonomi yang mengetepikan nilai agama, moral dan kesusilaan. Rakyat yang beragama Islam bersikap negatif untuk melibatkan diri dalam kebanyakan program pembangunan ekonomi kerana program itu tidak mengambil kira hukum-hukum agama dan nilai-nilai akhlak yang mulia. Institusi kewangan yang berdasarkan amalan riba berkembang dengan meluas, sedangkan Bank Islam agak lembap perkembangannya. Begitu juga pasaran saham pihak kerajaan membiarkan institusi itu beroperasi tanpa memantau kegiatan pelaburannya. PAS mengemukakan beberapa contoh syarikat saham seperti Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Mara (ASM) yang tidak memberi perhatian tentang halal haram jenis pelaburannya. Pihak kerajaan bukan sahaja tidak mencegah kegiatan ekonomi yang bercanggah dengan ajaran Islam itu, sebaliknya secara tidak langsung memberi berbagai-bagai kemudahan dan kelonggaran untuk ianya berkembang (Laporan PAS Pusat Sesi 1994/1995).

PAS mencadangkan selepas 1990 kerajaan hendaklah mempertingkatkan usaha bagi menubuhkan seberapa banyak institusi kewangan yang tidak mengamalkan sistem riba sebagai alternatif kepada sistem kewangan yang sedia ada (Harakah, 1-15 Oktober 2005). Di samping itu kerajaan juga hendaklah menarik balik semula lessen perjudian dan lessen arak yang telah dikeluarkan. PAS mencadangkan agar negara meletakkan matlamat ekonomi negara kepada kebijakan dan bukan kemungkaran dengan pemimpin perlu memberikan keutamaan kepada rakyat melebihi diri sendiri khususnya golongan miskin (Harakah, 1-10 Oktober 2005). Menurut PASkekayaan negara perlu dikongsi bersama rakyat tanpa mengira kaum dan keturunan kerana harta telah diciptakan Allah SWT untuk kepentingan semua. Selepas tahun 1990 hendaklah dipastikan kekayaan negara tidak dikongkong oleh golongan kaya sahaja. PAS mencadangkan sistem kuota kaum digantikan dengan kuota antara golongan miskin dan kaya sahaja. Pengabaian mengagihkan kekayaan negara secara adil kepada rakyat merupakan satu kesalahan pada pandangan Islam (Memorandum PAS pada MPEN 1990).

Dalam kemelut kepincangan ekonomi negara, PAS telah mengemukakan memorandum kepada kerajaan supaya menyelesaikan masalah berasaskan prinsip Islam dengan membuat perancangan jangka panjang, Perancangan itu hendaklah bermatlamat untuk tujuan kemanusiaan, persaudaraan, nilai-nilai murni dan kebahagiaan sejagat tanpa mengira kaum dan agama (Ab Rahman Ismail, 1999). PAS mencadangkan supaya ditubuhkan Majlis Perunding Syariah dan Tenaga Pakar sebagai sumber rujukan untuk memastikan sistem ekonomi negara berada dalam keadaan adil, berakhhlak, berimbang, berstrategi dan bernilai kemanusiaan. PAS juga pernah mencadangkan supaya kerajaan Malaysia membentuk mekanisme berdasarkan syariah yang mampu mengawal pelbagai jenis *gharar* dan manipulasi yang melibatkan perdagangan mata wang, barang dan perkhidmatan (Harakah, 16-30 November 2005).

Bagi meneruskan perjuangan ekonomi Islam maka gerakan Islam PAS telah menubuhkan sebuah koperasi nasional pada 3 JUN 1986 Laporan Tahunan KOHILAL, 1986). Nama asalnya ialah Koperasi Al-Hilal Berhad dan kemudiannya pada 17 November 1989 ditukar kepada Koperasi Al-Hilal Malaysia Berhad atau lebih dikenali sebagai Kohilal yang dikendalikan oleh ahli-ahli Parti Islam Se-Malaysia. Koperasi ini bertujuan bagi mengumpul dana dan menyediakan para pekerja dalam kalangan ahli untuk menjalankan perniagaan Islam dalam menghasilkan keluaran produk yang halal untuk masyarakat Melayu. Kohilal menggunakan kaedah perniagaan yang banyak tertumpu kepada kekuatan *quwwah*. Hasrat Kohilal adalah untuk aktiviti-aktiviti jual beli ahli-ahlinya dalam menggunakan prinsip-prinsip koperasi dalam urusan pinjaman dan pembelian. Dalam setiap Laporan Tahunannya, Kohilal mencataatkan visinya sebagai “wadah sosioekonomi ummah berdikari yang berteraskan Islam” dan misinya “untuk melahirkan, menggerakkan dan membina sosioekonomi ummah yang maju, berdikari, beriman dan bertakwa” (Laporan Tahunan PAS, 1990/1991).


Tujuan, visi dan misi ini diperluaskan di dalam kajian semula rancangan 10 tahunnya (1995-2004). Dalam kajian semula ini, Kohilal merumuskan untuk berperanan sebagai “sebuah institusi tabungan ummah dan wadah kebajikan anggota” dan sebagai “penggerak dan pemangkin ekonomi ummah serta payung gerakan koperasi ummah”. Sebagai “institusi tabungan ummah”, Kohilal cuba memperkenalkan anggota bersekutu untuk membolehkan mereka menyimpan tanpa gangguan Akta, menggembung dana anggota melalui pelbagai kumpulan wang anggota, memperkenalkan dan memajukan pelbagai instrumen kewangan Islam seperti wadiyah, mudharabah dan musyarakah, dan meningkatkan kualiti produk tabung-tabung Kohilal. Sebagai “wadah kebajikan anggota” pula, Kohilal berhasrat memperkemas dan memperhebatkan skim murabahah, mewujudkan Kumpulan Wang Tabung Al-Qardhul Hassan (melalui sumbangan khas peserta skim Al-Qardhul Hassan), dan

mewujudkan Tabung Khairat Kematian untuk membantu anggota jika berlaku kematian anggota atau kaum keluarganya. Sebagai “penggerak dan pemangkin ummah serta payung gerakan koperasi ummah pula, Kohilal berhasrat memperkemaskan anak syarikatnya dengan menjadikan Kohilal Industries Sdn Bhd. Sebagai syarikat induk pelaburan Kohilal dan menukar namanya kepada Kohilal Group Sdn Bhd, menaja, menggalakkan penubuhan dan bekerjasama dengan koperasi setiap negeri, menjalankan program latihan teknikal dan pengurusan koperasi, dan bekerjasama dengan koperasi terpilih di Selatan Thailand, Indonesia, Singapura dan Brunei (Laporan Tahunan PAS Pusat, 1994/1995).

Keanggotaan Kohilal terbuka kepada warganegara Malaysia berumur lebih 18 tahun dan beragama Islam, berakhhlak baik, dan menerima Islam sebagai Addin atau cara hidup. Hampir semua anggotanya terdiri dari ahli-ahli PAS. Anggota Lembaga Pengarah Kohilal juga terdiri dari pemimpin-pemimpin PAS. Walaupun Kohilal dianggap sebagai penggerak ekonomi ahli-ahli PAS dan anggotanya, namun Kohilal boleh bergerak sendiri dengan keputusan 12 Anggota Lembaganya sendiri tanpa campur tangan PAS. Di samping itu, Kohilal juga mempunyai Majlis Syariahnya sendiri yang memantau dan memastikan keislaman aktiviti Kohilal ini. Keahlian Kohilal sehingga 28 Februari 2001, berjumlah 20,618 orang (berbanding dengan lebih kurang 800,000 ahli PAS). Seseorang yang diterima menjadi anggota Kohilal dikehendaki mencarum saham paling kurang RM 500, dan maksimum tidak melebihi satu perlima dari aset Kohilal (KOHILAL, Undang-Undang Kecil, 1999a).

Secara keseluruhannya, Kohilal sehingga tahun 2001, Kohilal mempunyai 64 orang kakitangan sepenuh masa di seluruh Malaysia, 17 orang darinya bekerja di ibu pejabat Kohilal di jalan Sarikei Kuala Lumpur, 2 orang di Kaunter Kula Lumpur, 3 orang di Kaunter Kuala Terengganu, 3 orang di kaunter Kota Bharu, 13 orang di Kohilal Group Sdn. Bhd di Taman Seri Gombak, dan 26 orang di Pusat Perubatan Kohilal Sdn. Bhd di Taman Melawati, Kuala Lumpur. Koperasi gerakan Islam PAS ini mempunyai lapan bentuk perniagaan utama seperti pengeluaran barang keperluan harian, barang runcit, pengedaran barang, barang elektrik, perubatan, perniagaan teknologi, skim-skim yang antaranya adalah skim Al-Qardhul Hasan, skim Mudharabah, skim Murabahah, skim Jualan Mudah (Juadah), kaunter Al-Wadiyah dan Tabung-tabung (infak fisabilillah, hartaanah, takaful, pendidikan ummah, umrah, mudharabah sedekad), (Laporan Tahunannya, KOHILAL 1998).


### Rajah 1: Perbandingan Keuntungan Koperasi Kohilal Tahun 1998-1999



Sumber: Laporan Tahunan Kohilal 1999

Berdasarkan rajah 1 di atas dapat menunjukkan perbandingan keuntungan koperasi kohilal tahun 1998-1999 dalam skim dan tabung-tabung yang disediakan oleh Kohilal. Peningkatan yang berlaku setiap tahun dalam skim dan tabung-tabung ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa modal syer anggota juga meningkat. Namun begitu terdapat juga penurunan dalam skim Kohilal terutamanya simpanan skim khas *Mudharabah*, skim *Murabahah*, skim Al-Qardhul Hassan dan Bantuan Tabung Infak antara tahun 1998-1999. Penurunan ini berlaku kerana kurang dan tidak lancarnya perlaksanaan projek-projek baru. Ini dapat ditunjukkan dalam rajah 2 di bawah:

### Rajah 2: Perbandingan Penurunan Skim-Skim Kohilal Antara Tahun 1998-1999



Sumber: Laporan Tahunan Kohilal 1999

Selain itu, Kohilal juga mempunyai aset-aset seperti bangunan untuk ibu pejabat, bangunan untuk perubatan, bangunan untuk elektrik, bangunan untuk kilang dan bangunan-bangunan di cawangan-cawangan di seluruh Malaysia Laporan Tahunan Kohilal, 2000,. Ini merupakan aset untuk Kohilal dan gerakan Islam PAS. Gerakan Islam PAS percaya urusan dalam perniagaan dan memajukan ekonomi menurut Islam adalah perlu mendapat keredaan daripada Allah SWT kerana Islam menggalakkan pengaruhnya menjalankan perniagaan sebagai sumber rezeki. Walaupun Kohilal menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran terutamanya dalam krisis keuntungan sehingga akhir tahun 2000, namun masih tetap bertahan dan kukuh sebagai koperasi dalam gerakan Islam PAS (Fadzil Mohd Nor, 1998). Segala beban kewangan dapat di atasi dengan mengingatkan para ahli mendekatkan diri dengan berdoa kepada Allah s.w.t di samping berusaha dengan strategi mencari dana bagi menyelesaikan beban koperasi. Kejayaan koperasi Kohilal adalah kejayaan para ahli anggota gerakan Islam PAS. Kohilal berjuang melaksanakan dakwah melalui ekonomi Islam (Laporan Tahunan Kohilal 2015).

Dengan penggunaan sistem Islam ini, Kohilal melaksanakan perniagaan berlandaskan hukum-hukum Islam tanpa mengganggu Akta Koperasi. Gerakan Islam PAS memilih koperasi Kohilal sebagai medan untuk melaksanakan perniagaan Islam dan membuka ruang kepada masyarakat Islam khususnya masyarakat Melayu terlibat dalam perniagaan Islam Laporan Tahunan Kohilal, 2018,. Kohilal tetap berpegang kepada aqidah, syariat dan akhlak Islam dengan tidak menduaikan sistem perniagaan yang Allah SWT tetapkan dan tidak mengamalkan riba'. Menjelang tahun 2019, keahlian Kohilal mencecah 18,000 dan Kohilal menyeru ahli-ahlinya agar memajukan Kohilal dengan memasarkan produk Muslim ke seluruh negara (Laporan Tahunan Kohilal, 2019). Walaupun mengalami kerugian sehingga tahun 2000, namun menjelang tahun 2019 produk Kohilal telah meningkat mendadak sebanyak 60 peratus iaitu RM 1,686 255.12 juta berbanding tahun 2018 iaitu RM 1,039 915.70 juta. Penambahan produk-produk Kohilal akan ditingkatkan dari masa ke masa bagi memenuhi permintaan pasaran. Begitu juga dengan penggunaan perkhidmatan Kohilal Mart yang dibantu oleh NGO Gerakan Pembela Ummah (UMMAH) dan ABATA bagi melancarkan penjualan dan penghantaran. Kohilal memilih menggunakan media sosial sebagai medium memperkenalkan produknya kepada pengguna agar peningkatan jualan dapat membantu dana gerakan Islam PAS menghasilkan produk Islamik kepada masyarakat Islam khususnya orang-orang Melayu (Harakah, Januari 2019).

### **Perkembangan Koperasi Gerakan Islam ABIM**

Pada peringkat awal penubuhannya, gerakan dakwah ABIM tidak mempunyai program ekonomi yang besar. Projek ekonomi ABIM yang besar ialah penubuhan Koperasi Belia Islam Malaysia (KBI) pada 26 Disember 1976. Ia didaftarkan sebagai sebuah syarikat kerjasama di bawah Ordinan Koperasi 1948. KBI dilancarkan oleh

Presiden ABIM sempena Muktamar Sanawi ABIM Pusat pada 29 Julai 1977 (Panduan Koperasi Belia Islam, KBI). Tujuan penubuhan KBI adalah untuk memberi perkhidmatan kebajikan dan ekonomi kemudahan ahli-ahli ABIM khasnya dan masyarakat Islam keseluruhannya. Objektif penubuhan KBI adalah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang menyediakan kemudahan pembiayaan kebajikan, simpanan dan pelaburan kepada para anggotanya (Laporan Tahunan KBI, 1982). Antara aktivitinya ialah

- Skim Pembiayaan
- Skim Kebajikan
- Skim Khas
- Pelaburan
- Aktiviti Pembangunan Hartanah

Peringkat awal penubuhannya, pelbagai produk diketengahkan kepada ahli-ahli ABIM. KBI memperkenalkan pelbagai skim dengan prinsip *Al-Wadiyah*, *Al-Mudharabah*, *Al-Bai'*, *Bi-thaman-Ajil* dan *Al-Qardul al-Hassan*. Peraturan pertaruhan (simpanan) dilaksanakan di bawah konsep *Al-Wadiyah* iaitu dengan kerelaan ahli, wang yang tidak digunakan buat sementara waktu itu menjadi modal pusingan kepada KBI sendiri. Konsep *Al-Mudharabah* pula dilaksanakan dalam konteks pembahagian nisbah untung hasil daripada pelaburan. Manakala *Al-Bai' Bi-thaman\_Ajil* dilaksanakan dalam skim sewa beli di mana KBI memberikan barang-barang yang diperlukan oleh ahli tersebut tanpa mengenakan bunga atau riba (Laporan Tahunan KBI, 1983). Skim pendahuluan (pinjaman) kecemasan adalah berdasarkan prinsip *Al-Qardul al-Hassan*. Manakala, *Al-Bai' Bi-thaman-Ajil* dilaksanakan dalam skim sewa beli di mana KBI memberikan barang-barang yang diperlukan oleh ahli tersebut tanpa mengenakan bunga atau riba. Skim pendahuluan (pinjaman) kecemasan adalah berdasarkan prinsip *Al-Qardul al-Hassan* (Laporan Tahunan KBI, 1994). Malah KBI menjadi pendorong dan contoh kepada penubuhan institusi kewangan Islam di Malaysia. Pelaksanaan sistem tersebut merupakan sistem muamalat yang dituntut oleh Islam. Pelaksanaan sistem kewangan Islam adalah sistem muamalat yang dituntut dalam Islam. Hal yang demikian ini menggambarkan KBI berjaya mendahului manapun institusi kewangan atau perdagangan di negara ini termasuklah termasuklah penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang ditubuhkan pada 11 Mei 1983.

Dengan pertambahan ahli ABIM yang menjadi ahli KBI, KBI dapat menjalankan operasi dengan baik. KBI bukan sahaja dapat meluaskan kegiatan ekonominya malah KBI mampu menjadi model kepada pertumbuhan kegiatan-kegiatan ekonomi yang bersifat Islam di dalam negara dan sekaligus mampu menjadi sebuah koperasi yang berjaya. Keahlian ABIM terus meningkat dalam tempoh setahun iaitu 30 November

1984 ahlinya sebanyak 2,839 orang dan terus meningkat kepada 3,228 orang pada 31 Oktober 1984. Dalam Laporan Tahunan Sesi 1984/1985, KBI dicatatkan sebagai sebuah koperasi yang paling berjaya di negara ini. Selepas kejayaan KBI, mulalah berkembangnya institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia seperti bank Islam dan Sistem Perbankan Islam dalam bank-bank kovenisional di Malaysia. Gerakan Islam ABIM juga menjalankan aktiviti kemanusiaan melalui agensi-agensi yang berkaitan KBI iaitu Global Peace Mission (GPM) yang ditubuhkan pada tahun 2001 akibat krisi kemanusiaan di Afghanistan. Bantuan kecemasan telah disalurkan ke komuniti Asia Tenggara, Asia Selatan, Asia Tengah, Timur Tengah, Afrika dan Eropah Timur. Selain itu KBI juga melibatkan diri dalam organisasi Islamic Outreach (IOA Centre) ABIM yang ditubuhkan pada tahun 1987 yang bertujuan menyampaikan dakwah tentang pesanan agama Islam dan menghayati Islam sebagai panduan dan cara hidup khususnya kepada masyarakat Melayu Islam. IOA Centre kini telah bertapak di masjid-masjid utama seluruh Malaysia dan telah diberi kepercayaan oleh pengurusan masjid dan Majlis Agama Negeri untuk menjadi pemandu pelancong dan sekali gus mempromosikan Islam kepada mereka Pendekatan IOA Centre lebih menekankan penyampaian dakwah menerusi kelas bimbingan dan perbincangan dua hala (Company Profile ABIM).

Perkembangan itu membuktikan ABIM berjaya menjadi model kepada sistem kewangan Islam di Malaysia. Apabila Anwar Ibrahim berada di dalam kerajaan, sokongan terhadap penubuhan Bank Islam semakin meningkat. Akhirnya pada tahun 1987 bank Islam Malaysia Berhad ditubuhkan secara rasminya oleh kerajaan. Pada peringkat awal penubuhan Bank Islam terdapat kelemahan tetapi kesedaran masyarakat Islam khususnya orang Melayu supaya tidak terlibat dalam amalan riba turut membantu perkembangan bank Islam. KBI terus menjadi pilihan dalam kalangan ahli ABIM. Pengkaji mendapati bahawa KBI telah menjadi institusi kewangan Islam contoh yang menjadi pemangkin aktiviti *muamalah* Islam di Malaysia. Gerakan dakwah ABIM memperlihatkan kesungguhan bagi menjalankan kegiatan ekonomi tanpa riba. Kewujudan KBI merupakan asas kepada sistem amalan ekonomi Islam (*muamalat* Islam). Koperasi KBI bukan sahaja semata-mata untuk mendapatkan keuntungan maksimum, tetapi lebih bersifat kegiatan untuk memberikan perkhidmatan kebajikan kepada ahli-ahli, khususnya bagi mendapatkan keperluan urus niaga yang bersifat Islamik tanpa melibatkan bunga (interest) atau riba (Laporan Tahunan KBI, 1996).

KBI menggunakan kaedah yang dibenarkan oleh Islam dalam mengendalikan urusan atau kegiatan-kegiatannya. Gerakan Islam ABIM menjadikan Koperasi Belia Islam ini sebagai langkah awal gerakan dakwah ekonomi kerana melalui koperasi ini maka ahli-ahlinya bebas dan tidak terlibat dengan sistem ekonomi riba. Kesungguhan kepimpinan ABIM melalui Biro Ekonomi dengan menubuhkan KBI untuk

membebaskan ahlinya daripada bersubahat dengan sistem ekonomi kapitalis. Kenyataan KBI gerakan Islam ABIM menyatakan bahawa para ahli tidak lagi terbelenggu dengan amalan riba dalam usaha mereka mendapatkan peralatan rumah, kenderaan dan tempat kediaman. Pelaksanaannya ialah berperingkat-peringkat mengikut kemampuan KBI (Laporan Tahunan KBI, 1997). Penubuhan gerakan Islam ABIM dalam masyarakat Melayu di Malaysia merupakan gelombang baru dalam pergerakan dakwah Islam yang membawa slogan Islam merupakan suatu cara hidup (*a way of life*) yang lengkap dan sempurna (Ishak Saat, 2006:104). Presiden pertama ABIM, Razali Nawawi telah melontarkan idea-idea dan pemikiran khususnya dalam gagasan-gagasan baru berkaitan persoalan ekonomi yang berteraskan Islam. Pengkaji mendapati kelantangan ABIM yang bersifat confrontational bukan sahaja terhadap pemerintah yang dipaparkannya sebahagiannya melalui pidato dan demonstrasi dalam usaha menyedarkan pemerintah malahan di peringkat antarabangsa lantaran ketegasannya. Gerakan Islam ABIM berusaha mengukuhkan keadilan dan membanteras kejahilan dan kezaliman yang ditentang secara terang terangan atau tipu muslihat yang halus (Laporan Tahunan, 1983).

Perjuangan pemimpin pertama ABIM dalam aspek ekonomi masyarakat Melayu ini diteruskan pula oleh presiden ABIM yang kedua iaitu Anwar Ibrahim. Anwar Ibrahim menegakkan kebenaran dan keadilan dalam perjuangan ABIM sehingga menimbulkan ketegangan dengan pihak pemerintah. Perjuangan ABIM sering mendesak kerajaan dalam isu kemiskinan dan melaksanakan program Islam menampakkan kejayaannya (Risalah ABIM, 1991). Beliau telah terlibat dalam Demonstrasi Baling 1974 dan ditahan di bawah peruntukan ISA pada tahun 1974 hingga 1976 kerana dituduh menggulingkan kerajaan. Pendekatan radikal sebagai penggerak gerakan Islam yang menuntut keadilan daripada pihak kerajaan. Kemasukan PAS dalam BN tidak disenangi oleh tokoh ABIM dengan menunjukkan sikap radikal pada pilihan raya umum tahun 1974. Tragedi 13 Mei 1969 banyak dikaitkan dengan aliran radikalisme dan peranan ABIM dan tokoh-tokoh sealiran dengannya (Azam Abdul Rahman, 2007). Gerakan dakwah Islam ABIM banyak mengambil inisiatif melancarkan beberapa projek ekonomi secara kecil-kecilan dan membantu mempertingkatkan kebajikan dan ekonomi orang-orang Melayu. Penglibatan gerakan Islam ABIM dalam Koperasi Belia Islam Malaysia telah dapat membantu masyarakat Melayu dalam beberapa kemudahan, keperluan dan urus niaga yang bersifat '*Islamic*' tanpa membabitkan bunga atau riba yang menjadi ciri utama ekonomi moden hari ini (Laporan Tahunan KBI 1994).

Kejayaan program ekonomi ABIM dicatatkan sebagai paling berjaya di negara ini telah membawa kepada sokongan terhadap penubuhan Bank Islam setelah kemasukan pemimpin ABIM iaitu Anwar Ibrahim ke dalam kerajaan. Maka ini telah membawa kepada penubuhan Bank Islam pada 1987 yang ditubuhkan secara rasmi oleh pihak

kerajaan. Masyarakat di Malaysia khususnya orang Melayu. KBI telah menjadi institusi contoh kepada institusi kewangan Islam di Malaysia (Minit Mesyuarat Agung ke 7). Oleh itu menjadi tanggungjawab gerakan Islam ABIM untuk membantu sesiapa sahaja dalam aspek ekonomi khususnya bagi menyelamat ummah (Risalah ABIM, Mac 1995). Selain itu, gerakan Islam ABIM juga menggunakan pendekatan dakwah *Manhaj Maliziy* agar dapat meneruskan pelaksanaan agenda membina dan melatih generasi muda. Program kaderisasinya bermula daripada tahun 1996 sehingga tahun 2006 merupakan jangka masa yang cukup bermakna kepada ABIM, bagi meneruskan kesinambungan kepimpinan yang berwatak pendakwah dengan penuh kesabaran dan berhikmah (Pamflet ABIM, 1996). Lantaran itu, program atau aktiviti gerakan Islam ABIM khususnya aspek ekonomi juga dapat dilaksanakan melalui pendekatan ini dan penglibatan gerakan Islam ABIM ini membawa pengaruh yang besar kepada perkembangan ekonomi Islam masyarakat Melayu di Malaysia (Laporan Tahunan KBI, 2015). Melalui koperasi KBI gerakan Islam ABIM dapat membantu para ahlinya menggunakan sistem urus niaga yang tersusun ke arah sistem ekonomi Islam (Mohd Izzat Amsyar, 2013).

Selain itu KBI juga mengembangkan lagi dana yang diperoleh dengan menyalurkan bantuan kepada Global Peace Mission (GPM) Malaysia dimulakan pada tahun 2001 (Laporan Tahunan KBI, 2000). GPM merupakan agensi kemanusiaan yang digerakkan oleh ABIM melalui saluran peruntukan kewangan KBI. Dengan ini, perjuangan ABIM dalam dakwah dapat diperluas melalui misi-misi kemanusiaan yang dijalankan, sekali gus membantu sambil mengimplementasikan dasar kewangan yang diurus niaga mengikut sistem ekonomi Islam (Laporan Tahunan KBI, 2018). Produk-produk yang dikeluarkan oleh KBI adalah secara Islamik yang mengikuti ketetapan syariah (Laporan Tahunan KBI, 2019)

### **Perkembangan Koperasi Gerakan Islam JIM**

Kebanyakan koperasi Islam yang diusahakan oleh gerakan-gerakan Islam di Malaysia boleh dikatakan lahir sekitar kebangkitan semula Islam sewaktu berlakunya gerakan Islam di dunia Islam dan ini termasuklah gerakan Islam Jamaah Islah Malaysia (JIM) yang menujuhkan Koperasi Islah Malaysia Berhad (KIMB) pada 21 Januari 1994. Walaupun KIMB lahir pada tahun 90-an, merupakan rentetan dalam usaha untuk mendaulatkan Islam dalam gerakan-gerakan Islam yang aktif di zaman kebangkitan semula Islam. Antaranya seperti Islamic Representative Council (IRC) di United Kingdom, Malaysian Islamic Study Group (MISG) di Amerika Syarikat dan pertubuhan pelajar-pelajar Islam Malaysia di Timur Tengah yang bergabung atas wadah JIM (Wan Mohamad Wan Sulong, 2000). Terdapat perbezaan antara koperasi KIMB dengan koperasi Kohilal dan koperasi KBI. Ini kerana keahliannya terbuka kepada semua warganegara Malaysia. Namun KIMB dikendalikan oleh ahli-ahli Jamaah Islah Malaysia (Laporan Tahunan KIMB, 1997b). Sebaliknya Kohilal dan

KBI menetapkan kepada yang memohon menjadi anggota dikehendaki juga mengisi borang dan membayar masing-masing keanggotaan PAS dan ABIM. KIMB yang didaftarkan sebagai sebuah koperasi nasional dan lahir selepas empat tahun tertubuhnya JIM merupakan sayap ekonomi gerakan Islam tersebut (Undang-Undang Kecil KIMB, 1997a). KIMB ditubuhkan bertujuan untuk menjalankan aktiviti pinjaman dan perkhidmatan. Secara khususnya, ia bertujuan meningkatkan taraf sosioekonomi anggota-anggota KIMB khususnya dan umat Islam di Malaysia amnya bertepatan dengan konsep '*al-birri wa taqwa*' (kebajikan dan taqwa) kepada masyarakat Melayu (Laporan Tahunan KIMB, 1995).


KIMB juga bertujuan meningkatkan roh silaturrahim dan memupuk semangat tolong menolong dalam kalangan umat Islam dan sesuai dengan objektifnya yang menggalakkan amalan berjimat cermat, menabung, menolong diri sendiri, membantu di antara satu sama lain, dan memajukan pendidikan dalam kalangan anggota dan anak-anak anggota agar menjalankan aktiviti dalam pelbagai ekonomi yang berdaya maju serta dihalalkan syariat. Sebagai sebuah koperasi yang berdaftar, KIMB lebih terikat dengan Akta Koperasi daripada dengan gerakan Islam JIM sendiri, walaupun pada prinsipnya ia adalah kepunyaan JIM, lahir atas usaha gerakan Islam JIM dan merupakan sayap ekonomi kepada gerakan Islam tersebut. Namun begitu gerakan Islam JIM mengawal perjalanan KIMB melalui sembilan orang anggota Lembaganya yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan KIMB. Biasanya Anggota Lembaga KIMB ini adalah terdiri dari pemimpin-pemimpin JIM sendiri. Pada peringkat awal penubuhannya iaitu sesi 1995/96, Pengurus Lembaga KIMB ialah Presiden JIM Tuan Haji Saari bin Sungib sendiri (Laporan Tahunan JIM sesi 1995/96).

Namun begitu, keanggotaan KIMB sebenarnya terbuka kepada semua warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas, berfikiran waras, dan tidak pernah terbabit dengan kesalahan yang didaftarkan di bawah *Registration of Criminals and Undesirable Persons Act 1969*. KIMB mempunyai seramai 1,314 orang anggota berbanding ahli Jim sehingga 12 Jun 2000 (Mesyuarat Agung KIMB, 2000). Daripada 1,314 orang anggota ini, hanya 384 orang atau 27.5% sahaja yang aktif dan kebanyakannya terdiri daripada Ahli Jawatankuasa JIM dari seluruh negara. Anggota yang aktif di sini ialah anggota yang mempunyai caruman sebanyak RM 100 dan membuat caruman yang berterusan setiap bulan dengan membayar RM 25 (mengandungi RM 10 sebagai caruman, RM 10 untuk Al-Wadiyah, RM 1 untuk Tabung Khairat, RM 1 untuk Tabung Fi-Sabilillah, RM 1 untuk Tabung Pendidikan, dan RM 2 untuk sumbangan pengurusan). Caruman boleh dibuat secara sekali gus ataupun secara ansuran yang boleh dibuat melalui potongan gaji kerajaan (Biro Perkhidmatan Angkasa) atau secara terus ke akaun KIMB dan juga secara sendiri melalui cek/kiriman wang/wang pos. Setakat ini KIMB beribu pejabat di Pusat bandar Melawati, Kuala Lumpur dan pengurus merancang aktiviti-aktiviti perniagaan agar

berjalan dengan berkesan. Hal ini kerana perjalanan KIMB dianggap perlahan, walaupun telah menjangkau ke usia lapan tahun. Laporan Tahunan KIMB, 1997b)

Sebagaimana koperasi Kohilal (PAS) dan KBI (ABIM), koperasi KBIM juga dikendalikan oleh anggota-anggota JIM. Gerakan Islam JIM juga menjadikan koperasi sebagai wadah perniagaan Islam mereka. KIMB setakat ini mempunyai lima aktiviti yang kesemuanya berkisar kepada kewangan (insurans, pembiayaan dan pelaburan). Aktiviti-aktiviti ialah seperti Takul Kenderaan, Skim Takaful kelompok, Perniagaan Bai' Bithamin Ajil (membeli peralatan dan pembiayaan) dan Pelaburan Saham terpilih. Komisen takaful merupakan pendapatan utama KIMB, namun begitu pada tahun 1999 tiada dividen dari pelaburan saham dan mengalami kemerosotan. Namun begitu secara umumnya, modal syer dan tabung-tabung KIMB sentiasa menunjukkan peningkatan antara tahun 1995 hingga 1999. Ini boleh dilihat merujuk rajah 3 berikut;

**Rajah 3: Perbandingan Peningkatan Keuntungan KIMB antara Tahun 1995-1999**



*Sumber:* Laporan Tahunan KIMB 1997

Seterusnya KIMB juga menggunakan kaedah lahiriah dalam pendekatan perniagaan. Ini kerana KIMB menggunakan konsep perniagaan Islam yang melihat aspek permasalahan perniagaan serta jalan penyelesaiannya. Pada sesi 1995/96, telah menghadapi masalah kekurangan sumber kewangan dan tenaga kerja mahir,

pembekuan lesen perniagaan daripada pihak berkuasa, kekurangan tahap kepakaran yang tinggi dan risiko pelaburan yang terlalu tinggi (Laporan Tahunan KIMB, 1995). Pada tahun 1997 juga berlaku masalah sumber kewangan yang terhad iaitu sumber tenaga kerja yang terbatas, dan risiko pelaburan terlalu tinggi kerana kegawatan ekonomi sebagai masalah utama. Kebanyakan projek-projek KIMB seperti hartanah, pelaburan saham siar harga, agensi pengembalaan dan pelancongan, klinik bersalin, perniagaan jual beli kenderaan, penerbitan dan percetakan, stesen minyak dan industri perkilangan terpaksa ditangguhkan antara tahun 1995 hingga 2000 kerana berada di tahap sederhana sehingga menyebabkan prestasi KIMB menjadi “*slow to take-off*”. Oleh itu bagi meningkatkan komitmen dan keyakinan anggota terhadap KIMB maka pelaksanaan terhadap projek-projek yang dipilih mengikut kuantiti dan kualiti dijalankan agar dapat memberi keyakinan ahli boleh dibuat melalui jaminan pengagihan dividen (Laporan Tahunan JIM sesi 1997b).

Selain itu, AJK Pusat JIM sentiasa mahu menjadikan JIM sebagai ‘*economic powerhouse*’ iaitu bukan sahaja menekankan modal dalam KIMB tetapi visi, kemahiran pengurusan, dan kemampuan perniagaan (*business aptitude*) yang meliputi kesanggupan berhadapan risiko, waspada terhadap kos, dan kebolehan untuk melihat gambaran yang besar. Bersesuaian dengan prinsip ukhwah yang berunsurkan quwwah dalam ekonomi Islam, maka jaringan dalam kalangan anggota dengan memahami kekuatan dan kelemahan antaranya agar dapat diatasi sepenuhnya. Perniagaan dalam ekonomi Islam yang berunsurkan lahiriah di laksanakan seperti berikut iaitu;

1. Mengenal pasti aktiviti perniagaan yang sedia ada, sama ada di dalam atau di luar, kepakaran yang sedia ada, dan di mana serta bagaimana duit biasa digunakan.
2. Mengenal pasti sumber modal yang sedia ada dan membantu kaedah memungut kewangan dari anggota dengan pulangan.
3. Mengenal pasti komposisi anggota JIM (gender, umur, kawasan, profesi, kuasa beli dan minat) dan memperbaiki ukhuwah melalui jaringan.

Penekanan terhadap ketiga-tiga perkara di atas berkisar kepada dua hal utama. Pertama kekemasan organisasi dan kedua, pulangan kepada anggota. Inilah yang dirasakan faktor utama yang boleh membawa kejayaan ekonomi JIM, terutamanya melalui KIMB. Di samping itu diyakini juga bahawa apabila JIM atau KIMB mempunyai perniagaan yang menguntungkan dan ada rekod yang baik, anggota-anggota JIM akan dengan mudah tertarik untuk melabur di dalam perniagaan JIM, khususnya melalui KIMB. Seterusnya pada sesi 2000/2001 pelbagai rancangan-rancangan diaturkan bagi menjayakan KIMB iaitu;

1. Konsep dan Strategi (mengembalikan keyakinan ahli, memaksimumkan dana daripada pasaran *captive*, meningkatkan perniagaan semasa iaitu takaful kenderaan dan pembiayaan projek, meningkatkan faedah dan perkhidmatan kepada ahli) (Laporan Tahunan KIMB, 2000).
2. Rancangan Bertindak
  - a) Memudahkan caruman ahli dalam kalangan AJK JIM, ahli JIM dan rakan JIM;
  - b) Meningkatkan perniagaan takaful kenderaan dan pembiayaan projek-projek;
  - c) Sasaran keuntungan yang munasabah pada tahun 2000 dan 2001;
  - d) Menambahkan kakitangan KIMB dengan memperoleh seorang pengurus sepenuh masa;
  - e) Menguruskan dana bagi pelaburan yang berfaedah seperti memantau projek-projek pembiayaan, skim Bai' Bithamin Ajil, mengkaji kemungkinan penglibatan KIMB dalam tadika dan umrah (Laporan Tahunan JIM sesi 1998)

Kesemua persepsi terhadap masalah perniagaan dan bagaimana dapat diselesaikan agar perniagaan Islam dalam gerakan Islam JIM dapat meningkatkan ekonomi adalah bergantung kepada kekuatan quwwah dan hal-hal kerohanian (Laporan Tahunan KIMB, 2015). Bagi JIM, KIMB adalah ruang untuk mereka berdakwah kepada masyarakat Islam khususnya orang-orang Melayu. Ini kerana dalam JIM, sesetengah orang menyumbang duit kerana Allah SWT, tetapi kebanyakannya orang menyumbang kerana Allah SWT dan diri sendiri. Oleh itu dalam melaksanakan sesuatu projek, mesti ada kontrak dan perjanjian bertulis. Selain itu, manusia boleh merancang tetapi yang menentukannya ialah Allah SWT. Allah SWT tidak akan mungkir janji sekiranya perancangan diatur secara profesional dan kemas, dan berdoa untuk mendapatkan panduan dari-Nya (Laporan Tahunan KIMB, 2018).

KIMB juga mengekalkan bentuk perniagaan Islam yang menekankan konsep membantu orang lain yang memerlukan. Hal ini kerana, melalui KIMB, maka keuntungan yang diperoleh dijanakan untuk menjaga kebajikan para ahli dan masyarakat Melayu Islam yang memerlukan. Walaupun KIMB masih terikat dengan peraturan-peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, namun KIMB tetap menjalankan operasi tanpa membatasi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Malahan KIMB dapat menyuntik semangat dan wawasan baru dalam gerakan koperasi negara melalui tadbir urus yang berkesan dan baik (Laporan Tahunan KIMB, 2019).

## HASIL PERBINCANGAN

### Dakwah Ekonomi Perniagaan Koperasi Gerakan Islam (PAS, ABIM dan JIM)

Perniagaan merupakan pekerjaan mulia di sisi Islam. Gerakan Islam memperkenalkan perniagaan cara Islam bagi memperkembangkan ekonomi dan dapat menyampaikan dakwah. Melalui ekonomi maka dakwah dapat disampaikan kepada masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Permintaan bagi menggunakan perniagaan Islam sangat diperlukan dalam masyarakat masa kini di Malaysia. Maka gerakan Islam dapat memenuhi perniagaan ini melalui penubuhan koperasi yang seterusnya dapat menyahut syiar Islam dalam menjalani kehidupan. Pengkaji mendapati ketiga-tiga koperasi gerakan Islam yang dikaji terbukti telah menyumbang dengan banyaknya kepada dakwah dalam perkembangan ekonomi Islam yang berbentuk aktiviti perniagaan melalui sistem kewangan Islam (Mahsin Hj Mansor, 2003). Kesemua perniagaan dalam gerakan Islam ini seperti KOHILAL, KBI dan KIMB muncul sekitar zaman kebangkitan semula Islam yang menggunakan koperasi sebagai wadah perniagaan Islam mereka. Perniagaan KOHILAL, KBI dan KIMB menjalankan perniagaan dan urus niaga tanpa riba dan menjadikan masyarakat Melayu dan seluruh ummah Islam amnya mendapat keuntungan dan dapat meningkatkan ekonomi para anggota dan pendapatan negara. KBI merupakan institusi pertama di Malaysia yang memperkenalkan produk dan instrumen kewangan yang berlandaskan Syariah dan diikuti Kohilal dan KIMB (Laporan Tahunan KBI, 2019).

Gerakan Islam PAS, ABIM dan JIM menjadikan koperasi mereka sebagai wadah memperjuangkan perniagaan Islam. Gerakan Islam JIM merasakan KIMB adalah koperasi Islam sepenuhnya kerana aktiviti-aktivitinya berlandaskan kepada ajaran Islam. Koperasi-koperasi dalam gerakan Islam ini masih terikat dengan Akta Koperasi dan terpaksa menyatakan secara bertulis matlamatnya untuk “memajukan kepentingan sosioekonomi anggota-anggotanya menurut prinsip-prinsip koperasi” tetapi tetapi aktiviti-aktiviti ekonomi masih berurus niaga dalam sistem muamalat Islam. Selain itu, aktivitinya juga dirasakan secara tidak langsung membantu institusi-institusi Islam yang diwujudkan di negara seperti perbankan Islam dan menyokong aktiviti-aktiviti berbentuk Islam seperti program-program untuk remaja dan seminar-seminar yang dilaksanakan dalam negara (Zaharuddin Abd Rahman, 2012).

Dari aspek akidah, gerakan-gerakan Islam ini mengelakkan dari riba. Dari segi syariah mereka menekankan kepada muamalat Islam dan dari segi akhlak pula mereka laksanakan akhlak Islam di dalam berhutang di samping mempunyai ketelusan dan akauntabiliti. Koperasi KOHILAL, KBI dan KIMB memberi pinjaman dan pembiayaan kepada ahli tanpa riba sebagaimana institusi-institusi kewangan yang berbentuk konvensional. Penekanan dan penghayatan terhadap tasawur (*worldview*) Islam secara menyeluruh walau bagaimanapun belum memberangsangkan. Ketiga-tiga gerakan Islam ini berusaha bagi meningkatkan sistem ekonomi Islam melalui

aktiviti-aktiviti perniagaan Islam dan dengan cara ini juga dapat menyalurkan rezeki yang halal. Seterusnya dari segi muamalat sebagai usaha perjuangan dakwah membantu masyarakat Islam khususnya orang Melayu mendapatkan perkhidmatan yang tidak bercampur dengan riba dalam urusan jual beli. Ketiga-tiga gerakan Islam ini sangat menitik beratkan kepada aspek perniagaan Islam bagi memperkembang ekonomi gerakan Islam. Penekanan kepada sistem muamalat Islam telah menjadikan harta yang dimiliki oleh masyarakat Islam melalui proses pembersihan dan penyuburan ke arah ciri-ciri yang betul dan mengikut hukum syariah (Mustafa Dakian, 2005).

Koperasi KOHILAL, KBI dan KIMB dalam gerakan Islam juga memegang kepada *quwwah* sebagai kekuatan perniagaan yang telah lama diguna pakai oleh perniagaan bukan Islam yang telah sememangnya yakin bagi memantapkan perniagaan yang dijalankan. Oleh kerana itu prinsip ini diperlukan dalam perniagaan-perniagaan gerakan Islam. Sikap saling bersaing yang baik dan positif akan membawa kepada perkongsian kekayaan yang dimiliki dengan cara yang baik. Setiap dalam perniagaan Islam yang mengamalkan prinsip ini akan membawa kepada kejayaan dan sekali gus membantu meningkatkan ekonomi. Kewujudan koperasi dalam gerakan Islam ini secara tidak langsung dapat membuka peluang pekerjaan kepada ahli-ahlinya serta dapat menyalurkan sendiri wang pelaburan ahli-ahlinya ke dalam anak-anak syarikat yang berdaftar dengan koperasi dan seterusnya membantu pertumbuhan perniagaan kaum bumiputera. Selain itu ketiga-tiga koperasi ini dapat menyumbang kepada perubahan ekonomi negara, terutamanya dalam keperluan umat Islam mencari urus niaga pinjaman dan pembiayaan yang tidak berunsurkan riba (Azizi dan Mohd Nazri, 2013).

Koperasi KOHILAL, KBI dan KIMB mengamalkan prinsip Islam untuk mengelakkan keterlibatan dalam amalan riba. Dengan adanya koperasi yang menggunakan pendekatan Islam maka, riba dapat dielakkan. Hal ini kerana bagi menggalakkan muamalat Islam yang dapat membawa kesedaran dan melahirkan amalan saling membantu sesama muslim. Pelaksanaan muamalat Islam dalam perniagaan akan menghindarkan masyarakat Islam khususnya orang-orang Melayu menghayati amalan Islam dalam kehidupan. Sistem kewangan Islam yang digunakan dapat memantapkan lagi ekonomi Islam di Malaysia (Hailani Muji Tahir, 1988). Namun begitu ketiga-tiga koperasi ini menggunakan pendekatan yang berbeza dalam penubuhan koperasi Islam khususnya dalam menjanakan keuntungan bagi setiap gerakan. Kohilal, mempelbagaikan produk Islamik yang lebih kepada produk makanan untuk keperluan anggota dan orang-orang Islam. Bagi KBI pula, kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang disediakan untuk para ahli dan masyarakat muslim khususnya bagi membantu meningkatkan pendapatan. Perkhidmatan KBI, membantu para ahli dengan memberi kadar faedah yang berpatutan. Manakala bagi KIMB, koperasi ini

berkonsepkan islah menyediakan keperluan perkhidmatan bagi seluruh ummah, masyarakat di Malaysia. Walaupun pendekatan yang berbeza, namun perniagaan dalam koperasi-koperasi Islam ini keseluruhan sangat membantu masyarakat Islam di Malaysia untuk berada dalam aktiviti muamalat yang halal (Ab. Mumin Ab. Ghani, 1999).

## KESIMPULAN

Pada asasnya peranan perniagaan Islam melalui koperasi ini dapat direalisasikan menggunakan nilai dan prinsip ekonomi Islam. Sehingga tahun 2019, perniagaan dalam koperasi gerakan-gerakan Islam ini bukan sahaja dapat membantu anggotanya dan masyarakat Melayu Islam, malahan telah mengaplikasikan sistem ekonomi secara strategik dan sistematik dengan di dokong oleh mereka yang tinggi takwanya. Perniagaan Islam bukan sahaja mesti di dokong oleh mereka yang tinggi takwanya tetapi mesti menjadikan takwa sebagai satu alat melancarkan sesuatu perniagaan, kerana takwa adalah kaedah menggunakan rohaniah. Perniagaan Islam dalam koperasi gerakan-gerakan Islam ini menggunakan kaedah rohaniah dan lahiriah melalui kekuatan iman dan takwa. Ini kerana koperasi merupakan saluran untuk meningkatkan pertumbuhan aktiviti-aktiviti perniagaan yang mengamalkan sistem ekonomi Islam. Melalui koperasi ketiga-tiga gerakan Islam ini dapat menyampaikan dakwah khususnya masyarakat Melayu di Malaysia agar menjalankan urus niaga dalam bentuk sistem ekonomi yang halal dan tidak melibatkan riba.

Perniagaan dan aktiviti-aktiviti serta program ekonomi yang dijalankan dan dianjurkan oleh koperasi Islam dalam ketiga-tiga gerakan ini secara tidak langsung membantu para ahli agar menitik beratkan sistem perekonomian Islam agar berada di landasan yang betul mengikut hukum-hukum Islam dalam sistem muamalat. Kewujudan koperasi-koperasi dalam gerakan Islam telah menjadi pelengkap kepada keperluan dan kehendak masyarakat untuk menggunakan urus niaga yang halal. Sumbangan sistem ekonomi Islam dalam mengurangkan masalah kewangan ke atas organisasi gerakan Islam dan menghapuskan perniagaan berunsurkan riba. Implikasinya, koperasi gerakan Islam telah dapat menyampaikan dakwah melalui ekonomi dalam aktiviti-aktiviti perniagaan koperasi tersebut dan sekali gus membantu meningkatkan sumber pendapatan dan mengurangkan beban liabiliti dalam kalangan anggotanya. Dengan ini sekali gus dapat membantu negara dalam meningkatkan pendapatan ekonomi masyarakat Melayu di Malaysia.

## RUJUKAN

- Ahmad Azam Abd Rahman. (2007). *Prinsip manhaj maliziy (Pengalaman ABIM). Seminar Dakwah Kebangsaan Memahami Pendekatan Dakwah Manhaj Maliziy.* Kuala Lumpur: Anjung Rahmat.
- Abdul Hadi Awang. (2011). *Konsep asas negara berkebajikan.* Kuala Lumpur: Lajnah Penerbitan Dewan Ulama PAS Pusat.
- Ab. Mumin Ab. Ghani. (1999). *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia.* Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ab Rahman Ismail. (1999). *Pembentukan polisi awam dan perkembangan politik di Kelantan: Satu kajian terhadap persepsi UMNO dan PAS* (Tesis Doktor Falsafah). Fakulti Ekonomi dan Perniagaan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ahmad Sodikin Kasimin and KKUJ Central Committees. (2000). “Transforming JIM into Economic Powerhouse: Preliminary Paper” dalam Mohamed Hatta Shaharom, Ahmad Sodikin Kasimin dan Mohd Radzi Shaari. eds. *Risalah pemimpin – Penulisan jawatankuasa pusat JIM.* Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM).
- Anon. (2005, 15 September). “Kempen Utamakan Barang Muslim”. *Harakah.* 16-18.
- Anon. (2005, 15 Oktober). “Ekonomi Islam Penyatuan Ummah”. *Harakah.* 6-7.
- Anon. (2005, 16 November). “Persepsi Bukan Islam mengenai Ekonomi Islam”. *Harakah.* 12-15.
- Anon. (2019, 17 Januari). “Sokong Perniagaan: Perkukuh Ekonomi”. *Harakah.* 3-4.
- Anon. (2001, 13 Mac). “Perniagaan Islam: Allah Sumber Rezeki”. *Majalah Ana Muslim.* 6-7.
- Azizi Che Seman dan Mohd Nazri Chik. (2013). *Kewangan & perbankan: Isu-isu dan cabaran.* Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Fadzil Mohd Nor. (1997). Bersiap menghadapi cabaran dlm. Fadzil Nor - Perjuangan Dan Pemikiran (Pnys: Kamaruddin Jaafar). Kuala Lumpur: Dewan Muslimat Pejabat Agung PAS Pusat.
- Hailani Muji Tahir. (1988). *Pengenalan tamadun Islam dalam institusi kewangan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Saat. (2006). *Sejarah sosiobudaya Melayu.* Shah Alam: Karisma.
- JPKM. (1978). Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia. Koperasi Di Malaysia. Kuala Lumpur: JPKM.
- KBI. Koperasi Belia Islam Malaysia. (2019). *Company profile KBI.* Kuala Lumpur: Pejabat KBI Pusat.
- KBI. Koperasi Belia Islam Malaysia. (2019). *Undang-undang kecil KBI.* Kuala Lumpur: Pejabat KBI Pusat
- KBI. Koperasi Belia Islam Malaysia. (2019). *Laporan tahunan KBI.* Kuala Lumpur: Pejabat KBI Pusat.

- KBI. Koperasi Belia Islam Malaysia. (2018). *Laporan tahunan KBI*. Kuala Lumpur: Pejabat KBI Pusat.
- KBI. Koperasi Belia Islam Malaysia. (2015). *Laporan tahunan KBI*. Kuala Lumpur: Pejabat KBI Pusat.
- KBI. Koperasi Belia Islam Malaysia. (2000). *Laporan tahunan KBI*. Kuala Lumpur: Pejabat KBI Pusat.
- KBI. Koperasi Belia Islam Malaysia. (1997). *Laporan tahunan KBI*. Kuala Lumpur: Pejabat KBI Pusat.
- KBI. Koperasi Belia Islam Malaysia. (1996). *Laporan tahunan KBI*. Kuala Lumpur: Pejabat KBI Pusat.
- KBI. Koperasi Belia Islam Malaysia. (1995). *Laporan tahunan KBI*. Kuala Lumpur: Pejabat KBI Pusat.
- KBI. Koperasi Belia Islam Malaysia. (1994). *Laporan tahunan KBI*. Kuala Lumpur: Pejabat KBI Pusat.
- KBI. Koperasi Belia Islam Malaysia. (1994) - *Undang-undang kecil KBI*. Kuala Lumpur: Pejabat KBI Pusat.
- KBI. Koperasi Belia Islam Malaysia. (1983). *Laporan tahunan KBI*. Kuala Lumpur: Pejabat KBI Pusat.
- KBI. Koperasi Belia Islam Malaysia. (1982). *Laporan Tahunan KBI*. Kuala Lumpur: Pejabat KBI Pusat.
- KIMB (Koperasi Islah Malaysia Berhad). (2019). *KIMB - Laporan tahunan 2019*. Kuala Lumpur: Pejabat KIMB Pusat.
- KIMB (Koperasi Islah Malaysia Berhad). (2018). *KIMB - Laporan tahunan 2018*. Kuala Lumpur: Pejabat KIMB Pusat.
- KIMB (Koperasi Islah Malaysia Berhad). (2015). *KIMB - Laporan tahunan 2015*. Kuala Lumpur: Pejabat KIMB Pusat.
- KIMB (Koperasi Islah Malaysia Berhad). (2000). *KIMB - Laporan tahunan 2000*. Kuala Lumpur: Pejabat KIMB Pusat
- KIMB (Koperasi Islah Malaysia Berhad). (2000). *Mesyuarat agung perwakilan tahunan ke-7*. Kuala Lumpur: 17 Jun.
- KIMB (Koperasi Islah Malaysia Berhad). (1997a). *Koperasi islah Malaysia berhad – Undang-undang kecil*. Kuala Lumpur: 16 April.
- KIMB. (1997). *Undang-Undang Kecil KIMB*-Undang-Undang Kecil didaftarkan pada 16 April 1997.
- KIMB. (1997). (Koperasi Islah Malaysia Berhad), 1997b. *Laporan tahunan KIMB 1997*. Kuala Lumpur: Pejabat KIMB Pusat.
- KIMB (Koperasi Islah Malaysia Berhad). (1995). *KIMB - Laporan tahunan 1995*. Kuala Lumpur: Pejabat KIMB Pusat.
- KIMB (Koperasi Islah Malaysia Berhad). (1995). *Laporan mesyuarat tahunan KIMB (Koperasi Islah Malaysia Berhad)*. Kuala Lumpur: Pejabat KIMB Pusat.

- KIMB (Koperasi Islah Malaysia Berhad). (1997). *Laporan mesyuarat tahunan KIMB (Koperasi Islah Malaysia Berhad) 1997a*. Kuala Lumpur: Pejabat KIMB Pusat.
- KIMB (Koperasi Islah Malaysia Berhad). (1997). *Laporan mesyuarat tahunan KIMB Koperasi Islah Malaysia Berhad 1997b*. Kuala Lumpur: Pejabat KIMB Pusat.
- KOHILAL. (2019). *Laporan tahunan*. Kuala Lumpur: Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. (2018). *Laporan tahunan*. Kuala Lumpur: Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. (2015). *Laporan tahunan*. Kuala Lumpur: Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. (2000). *Laporan tahunan*. Kuala Lumpur: Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. (1986). *Laporan tahunan*. Kuala Lumpur: Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. (1987). *Laporan tahunan*. Kuala Lumpur: Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. (1990). *Laporan tahunan*. Kuala Lumpur: Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. (1991). *Laporan tahunan*. Kuala Lumpur: Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. (1993). *Laporan tahunan. Mesyuarat agung perwakilan tahun ke-6*. Kuala Lumpur: Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. (1994). *Laporan tahunan*. Kuala Lumpur: Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. (1995). *Laporan tahunan*. Kuala Lumpur: Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. (1997). *Laporan tahunan*. Kuala Lumpur: Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. (1998). *Laporan tahunan*. Kuala Lumpur: Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. (1999). *Laporan tahunan*. Kuala Lumpur: Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. *Undang-undang kecil 1999a*. Kuala Lumpur. Pejabat KOHILAL Pusat.
- KOHILAL. *Undang-undang kecil & aturan-aturan kohilal 1999b*, Kuala Lumpur. Pejabat KOHILAL. Pusat.
- Mahsin Hj Mansor. (2003). *Sistem kewangan Islam*. Kuala-Lumpur: Penerbit Jabatan Arah KAGAT.
- Mohamed Hatta Shaharom, Ahmad Sodikin Kasimin dan Mohd Radzi Shaari, eds. (2000). *Risalah pemimpin – Penulisan jawatankuasa pusat JIM*. Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM). Kuala Lumpur.
- Penyata Rasmi Parlimen Jilid III, Bil.1. (1989, Mac 7). Dewan Rakyat Parlimen Ketujuh. Penggal Ketiga. “Memorandum PAS kepada Majlis Perunding Ekonomi Negara (MPEN). 173-174.
- Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-7. (2000, Jun 17). KIMB. Kuala Lumpur.
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif. (2013). Peranan dan kedudukan Majlis Penasihat Shariah untuk memperkasakan sistem kewangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 38 (2013), 20-42.
- Mohd Sollehudin Shuib. (2010). Musharakah mutanaqisah dalam amalan perbankan Islam di Malaysia: Analisis terhadap produk pembiayaan perumahan (Tesis PhD.). Jabatan Syariah dan Ekonomi. Akademi Pengajian. Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

- Mohd Yusra Bin Abdullah. (2012). Pelaksanaan Akaun Pelaburan Emas Menurut Perspektif ekonomi Islam: Kajian di Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad (KFHMB) (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mohd. Zulkifli Mohd. Ghazali. (1990). *Dasar ekonomi baru: Kelemahan dan penyelewengan*. Laporan Kajian yang diserahkan kepada Universiti Teknologi Mara. Johor. Skudai.
- Mustafa Dakian. (2005). *Sistem kewangan Islam: Instrumen, mekanisme dan pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Osman Hj. Sabran. (1997). Pinjaman dan pembiayaan tanpa riba: Kajian terhadap sistem mu'amalat Islam di Malaysia masa kini (Tesis PhD.). Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Panduan Koperasi Belia Islam Malaysia. (2019). Koperasi Belia Islam Malaysia. KBI-ABIM. Pejabat ABIM Pusat.
- Parti Islam Se-Malaysia. (1990/1991). *Laporan mesyuarat tahunan PAS pusat sesi 1990/1991*. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Parti Islam Se-Malaysia. (1994/1995). *Laporan mesyuarat tahunan PAS pusat 1994/1995*. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Parti Islam Se-Malaysia. (1997-1998). *Laporan mesyuarat tahunan PAS pusat 1997/1998*. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Parti Islam Se-Malaysia. (2001/2002). *Laporan mesyuarat tahunan PAS pusat 2001/2002*. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Parti Islam Se-Malaysia. (1984). *Laporan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 1984*. Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS Pusat.
- Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Fasal 6 (2) & (5).
- Perutusan Sempena Hari Koperasi Antarabangsa Pengerusi Koperasi Islah Malaysia Berhad Dr Ahmad Zainuddin Abdullah pada 7 Julai 2018.
- Pamplet. (1996). Koperasi Belia Islam Malaysia: ABIM.
- Risalah KBI. (1995). Kuala Lumpur: Koperasi Belia Islam Malaysia.
- Rusni Hasan dan Sarfinar Salleh. (2013). Pematuhan syariah di bawah akta perkhidmatan kewangan Islam (APKI) 2013 dan cabaran semasa dalam operasi takaful, dalam *Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2014* pada 10 November 2014 di Hotel Istana Kuala Lumpur City Centre.
- Umu Nahdhiyah. (2012). *Pelaksanaan Pelaburan di CIMB Principal Asset Management Dalam Perspektif Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wan Ismail Bin Wan Abdullah. (N. d)). *Parti Islam SeMalaysia (PAS) dalam usahanya menegakkan sebuah negara Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Pejabat Agung PAS Pusat.

- Wan Mohamad Wan Sulong. (2000). Koperasi Islah Malaysia Berhad (KIMB), dlm. Mohamed Hatta Sharom, Ahmad Sodikin Kasimin dan Mohd Radzi Shaari, eds. *Risalah pemimpin – Penulisan jawatankuasa pusat JIM*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM).
- Zaharuddin Abd Rahman. (2012). *Contracts & the products of Islamic banking* (2<sup>nd</sup>. ed.). Kuala Lumpur: CERT Publication.